

Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam (*Waqf Zurri: An Instrument for Estate Planning in Developing Islamic Civilization*)

Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi,* Salmi Edawati Yaacob** & Mohd Fairuz Md. Salleh***

Abstrak

Wakaf zurri merupakan suatu alternatif untuk harta pusaka sejurus kematian umat Islam. Walaupun pengurusan harta sudah ada alternatif semasa seperti wasiat, faraid dan hibah; wakaf zurri mampu untuk membantu pewakif menyerahkan kekayaan kepada keluarga mereka dan keturunan mereka. Berdasarkan pangkalan data oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pada tahun 2019; sejumlah RM60 bilion harta tak dituntut telah direkodkan. Antara punca adalah; ketiadaan wasiat dan kurang pengetahuan mengenai pengurusan harta daripada pewaris. Oleh itu, wakaf zurri menjadi satu mekanisma yang boleh dilaksanakan untuk membantu keluarga yang ditinggalkan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti instrumen wakaf zurri sebagai mekanisme pengurusan harta dan mengenalpasti tatacara pengurusan wakaf zurri di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual dan analisa kandungan. Penulisan ini memberi manfaat kepada pembaca dan penyelidik yang terlibat dalam mendapatkan lebih banyak pengetahuan mengenai wakaf zurri sebagai instrumen sesuai untuk pengurusan harta umat Islam seperti tanah yang diusahakan sebagai pertanian dan melibatkan penglibatan benefisiari dalam menjana hasil bagi pengagihan manfaat boleh membawa impak yang signifikan pada masa akan datang. Tambahan lagi, tatacara pengurusan wakaf zurri memerlukan penambahbaikan demi menggalakkan pelaksanaannya di masa hadapan.

Kata kunci: wakaf zurri, keluarga, aset, sumbangan, ekonomi

Abstract

Zurri waqf stands as an alternative for estate planning upon the death of one's parents. Despite having current alternative such as will writing, faraid and hibah, zurri waqf is viable as instrument to distribute wealth to the loved ones. Data given by Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) in 2019 shows a total of RM60 billion of unclaimed property had been recorded. Amongst of the causes are; absence of will writing and little knowledge of wealth management from the heirs. Thus, zurri waqf stand as one mechanism which can be practiced to assist the parentless child in surviving their lifes. Therefore, the objective of this study is to identify the zurri waqf instrument as an estate planning and to identify the zurri waqf management procedures in Malaysia. This study is a qualitative nature in the form of interview and content analysis. This paper benefits readers and researchers involved in gaining more knowledge about zurri waqf as a suitable instrument for the estate planning of Muslim property such as land cultivated as agriculture and involving the participation of beneficiaries in waqf assets development that can bring significant impact in the future. In addition, the zurri waqf management procedures need to be improved in order to encourage its implementation in the future.

Keywords: zurri waqf, family, asset, contribution, economy

Pendahuluan

Pengurusan kekayaan sememangnya menjadi suatu isu penting untuk ditangani sejurus kematian ibu bapa ataupun penjaga. Adalah diharapkan bahawa harta yang diwariskan oleh keluarga dan keturunannya boleh membawa manfaat yang berterusan dan tidak terhad. Ini adalah salah satu kriteria utama yang terdapat dalam wakaf zurri dan ia berbeza dengan kaedah lain yang sedia ada dalam

* Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Ph.D Researcher, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia, and Accounting Lecturer, Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan. Email: sriwahyu@kuis.edu.my.

** Salmi Edawati Yaacob (Ph.D), Associate Professor, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: salmy1001@ukm.edu.my.

*** Mohd Fairuz Md Salleh (Ph.D), Associate Professor, Faculty of Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: fairuz@ukm.edu.my.

pengurusan harta. Menurut syariat Islam, kaedah pengurusan atau pengagihan harta yang dipraktikkan adalah faraid (yang ditetapkan dalam Al-Quran), wasiat dan hibah (pemberian). Namun begitu, kesesuaian kaedah tersebut berbeza menurut praktikal dan realiti bergantung kepada situasi dan masalah yang dihadapi.

Instrumen pengurusan harta yang pertama adalah wasiat.¹ Wasiat ini berkuatkuasa dan boleh dipindah milik semasa hayat pewasiatnya. Ia merupakan satu akad atau kontrak yang didedikasikan sewaktu hayatnya untuk pemindahan milikan hartanya kepada benefisiari yang hanya aktif setelah kematiannya.² Wasiat ini boleh dilaksanakan untuk seseorang yang ingin mewariskan hartanya kepada orang yang disayangi tetapi tidak berada dalam kelompok waris yang mendapat harta pusaka. Sebagai contoh; ia terhalang kerana faktor agama yang berbeza, terhalang oleh waris terdekat ataupun kerana tidak mempunyai hak yang sah untuk mewarisinya. Jadi apabila adanya wasiat, kebimbangan adanya halangan untuk mewariskan harta kepada keluarganya yang baru memeluk Islam tidaklah dipertikaikan. Ini amatlah bertepatan dengan keharusan seseorang Islam untuk berwasiat kepada sesiapa yang dikehendakinya³ dengan syarat kadar wasiat mestilah tidak melebihi satu pertiga daripada nilai harta bersihnya demi menjaga masalah waris yang berhak dan juga yang bukan waris tetapi kepentingannya dijaga oleh pewasiat. Tambahan lagi wasiat adalah di antara perkara yang amat dituntut oleh Islam khusus di dalam perkara perwarisan harta.⁴ Ia direalisasikan supaya dapat memenuhi niat dan keperluan pemilik harta dalam membela dan melindungi kepentingan keluarganya.

Wasiat bertujuan untuk membela manfaat ahli keluarga yang bukan waris manakala faraid adalah sebaliknya. Matlamat hukum faraid disyariatkan adalah untuk melicinkan urusan agihan harta ahli-ahli keluarga yang haknya telah dimuktamadkan di dalam Al-Quran.⁵ Ia adalah arahan wajib daripada Allah bagi umat Islam yang telah meninggal dunia dan mempunyai harta sejurus menunaikan kewajipan lain. Selain itu, intipati hukum faraid adalah merupakan satu cabang ilmu fiqh yang disyariatkan kepada umat Islam bagi membantu memberi jawapan terhadap permasalahan harta pusaka atau harta peninggalan umat Islam. Perincian mengenai kelompok yang bergelar waris dan mempunyai hak untuk menerima harta pusaka menurut kadar tertentu secara adil juga terkandung di dalam ilmu faraid. Metod pengiraan dan pembahagian harta yang tepat untuk waris-warisan yg mempunyai hak turut ditetapkan dalam ilmu faraid.⁶ Sehubungan dengan itu, ia memudahkan perlaksanaan agihan harta ini secara adil. Namun begitu, sekiranya harta yang difaraidkan itu berupa aset nyata seperti sebidang tanah atau sebuah rumah, ia mengundang pergolakan dan pertikaian sesama waris untuk mencapai kata sepakat dalam pembahagian harta itu secara sama rata. Apatah lagi jika saiz untuk sebidang tanah itu berskala kecil maka pengagihan dan perkongsiannya dengan waris yang ramai merupakan sesuatu yang merugikan menurut pandangan ekonomi akibat masalah yang timbul dalam pembangunan tanah tersebut.⁷ Apabila pengagihan ini terjadi, ia tidak dapat mendatangkan apa-apa manfaat ekonomi sekiranya tanah itu terbiar dan tidak terurus yang akhirnya akan merugikan waris. Tambahan lagi, mengikut agihan dalam hukum faraid; ia menyebabkan kelewatan prosedur pertukaran tanah kepada waris jika ada pertikaian mengenai agihan.⁸

Justeru itu, instrumen ketiga yang diaplikasikan untuk isu perwarisan harta ini adalah hibah. Objektif hibah adalah bagi membantu mengisi kelemahan yang ada pada faraid. Hibah merupakan pemberian tanpa paksaan dan tanpa syarat untuk melaksanakannya.⁹ Hibah adalah jalan yang boleh dipilih bagi menyelesaikan masalah yang timbul akibat kegagalan pentadbiran harta pusaka dengan sempurna dan adil.¹⁰ Tambahan lagi, pelaksanaan hibah adalah merupakan salah satu amalan Rasulullah SAW dan

¹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2011), *Hibah dalam Undang-undang Islam: Prinsip dan Amalan*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 5.

² Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2017), "Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur dan Pelaksanaan," *Jurnal Hadhari*, Jil. 9, Bil. 1, h. 20.

³ *Ibid.*, h. 20.

⁴ *Ibid.*, h. 19.

⁵ Carroll, L. (2001). "Life Interests and Inter-Generational Transfer Of Property Avoiding The Law Of Succession," *Islamic Law and Society*, Jil. 8, Bil. 2, h. 20.

⁶ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Fauziah Mohd Noor (2014), "Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia," *Journal of Human Development and Communication*, Jil. 3, h. 1, h. 16.

⁷ Ahmad Hidayat Buang (2009), "Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa Di Malaysia," *Jurnal Muamalat*, Jil. 2, h. 7.

⁸ *Ibid.*

⁹ Nasrul Hisyam, "Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam," h. 19.

¹⁰ Rusnadewi Abdul Rashid dan Nor Hisyam Ahmad (2013), "Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat Dari Pelbagai

digalakkan di dalam Islam. Ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t dalam Surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.”

Perlu difahami bahawa sistem faraid yang telah disyariatkan merupakan suatu mekanisma pengagihan harta kepada waris yang masih hidup apabila seseorang umat Islam itu meninggal dunia secara tiba-tiba dan di dalam usia yang muda tanpa membuat persediaan tentang pengurusan pembahagian harta. Oleh yang demikian, hibah adalah suatu bentuk persediaan atau perancangan awal pewarisan harta bagi tujuan kebajikan.¹¹ Hal ini juga dapat dilihat dalam firmanNya dalam Surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.”

Konsep hibah bertindak sebagai suatu pelengkap kepada kesempurnaan secara menyeluruh di dalam sistem pengagihan harta Islam di mana ia relevan dan sesuai dipraktikkan apabila faraid tidak dapat berfungsi dengan baik. Sebagai contoh, wujudnya masalah-masalah tertentu seperti kedangkalan waris dalam memahami konsep faraid, pengabaian penyelesaian harta pusaka dan kelewatan disebabkan masalah pentadbiran. Oleh itu, hibah boleh menjadi satu alternatif bagi mengatasi masalah-masalah tersebut kerana kaedah hibah ini tidak memerlukan proses pentadbiran yang panjang dan rumit seperti yang berlaku di dalam pengagihan secara faraid. Pengagihan secara faraid ini kadangkala dilaksanakan dengan kurang berkesan dan boleh menimbulkan ketidakadilan. Justeru itu, hibah dapat mengelakkan perebutan harta dan pertelingkahan sesama waris setelah kematian pemilik harta.¹²

Namun begitu, di sebalik ketiga-tiga instrumen yang dibincangkan, Islam memberi suatu tambahan alternatif bagi pengurusan harta iaitu wakaf zurri. Walaupun ia tidak diberi penekanan seperti kategori wakaf yang lain, tetapi ia mampu memberi manfaat dalam jangka masa panjang dalam memelihara ekuiti keluarga dan masyarakat amnya.

Sejarah dan Ciri-Ciri Wakaf Zurri

Di samping tiga mekanisma yang telah dibincangkan di atas, umat Islam mempunyai satu lagi alternatif pengurusan harta yang boleh dipilih iaitu wakaf zurri. Wakaf zurri dijangka akan membawa lebih banyak manfaat berbanding tiga kaedah pengurusan harta yang sedia ada. Sejurus saja harta disenaraikan di bawah wakaf zurri, manfaat yang terhasil akan bertahan sehingga beberapa generasi keluarga dan secara tidak langsung ia membawa kepada masalah komuniti Islam sejagat.

Ciri-ciri istimewa yang ada pada wakaf zurri jika dibandingkan dengan faraid, wasiat dan hibah adalah pengekal status pada aset wakaf zurri di mana ia tidak boleh dijual atau dipindah milik. Ia dibangunkan untuk manfaat keturunan tersebut dan tiada tarikh luput. Di samping memberi peluang untuk penajaan ekonomi dalam tempoh yang lama, wakaf zurri berupaya memberi manfaat yang besar mencakupi masyarakat Islam yang lain sekiranya aset yang dibangunkan itu memenuhi keperluan sosial. Sebagai contoh, hospital wakaf zurri yang mampu memberi keperluan kesihatan kepada masyarakat di samping kadar yang dikenakan mampu dibayar oleh masyarakat amnya. Hasil daripada hospital ini menjadi manfaat yang boleh diagihkan kepada waris-warisnya dan waris-waris juga boleh menyumbang tenaga mereka sebagai pekerja di hospital tersebut di mana mereka dapat menyaksikan secara telus pengoperasian dan pengurusan hospital wakaf itu dan pahala itu terus mengalir kepada pewakifnya yang telah meninggal dunia. Oleh itu, potensi pengekal aset wakaf zurri ini dijangka bertahan dalam suatu jangka masa yang panjang dan terus membawa kebaikan yang tidak terbatas kepada keturunannya sahaja tetapi boleh dipanjangkan juga kepada masyarakat yang tidak mengira bangsa dan agama. Ciri-ciri utama ini boleh digambarkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Ciri-Ciri Wakaf Zurri

	Waqf zurri	Fara'id	Wasiat	Hibah
Niat (<i>intention</i>)	√	X	√	√
Pengekalan status	√	X	X	X
Benefisiari adalah terhad	X	√	√	√

Aspek Untuk Kemajuan Ummah,” *Jurnal Hadhari*, Jil. 5, Bil. 1, h. 94.

¹¹ Siti Zalikah Md Nor (2002), “Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah Di Malaysia,” *Isu Syariah dan Undang-Undang*, Siri 11, h. 1.

¹² Rusnadewi Abdul dan Nor Hisyam, “Pengurusan Harta Melalui Hibah,” h. 98.

Potensi pertumbuhan ekonomi dalam tempoh yang lama	√	X	X	X
Faedah sampai kepada masyarakat Islam luar dari keluarga	√	X	X	X
Amalan di Malaysia	√	√	√	√

Perbezaan yang ketara di antara wakaf zurri jika dibandingkan dengan faraid, wasiat dan hibah adalah pengekalannya ('*ain*) aset wakaf dapat dipelihara kerana manfaat yang diperolehi daripada pembangunan aset dijangka akan berterusan dinikmati dalam suatu tempoh yang tidak terhad. Apabila suatu harta ataupun aset itu diniatkan sebagai wakaf zurri maka seluruh keturunannya berhak menerima manfaat tersebut berdasarkan niat pewakif. Selain itu, kesinambungan silaturrahim dapat dipelihara melalui wakaf zurri ini apabila setiap generasi ataupun keturunan ini bertemu di dalam urusan pembangunan aset wakaf zurri tersebut.

Keutuhan ekonomi umat Islam juga dapat diperkasakan melalui amalan wakaf zurri. Sekiranya orang bukan Islam boleh memelihara keturunan mereka melalui perwarisan harta selama beberapa generasi seperti kaum Cina yang menduduki tempat teratas di dalam senarai individu yang terkaya di Malaysia,¹³ maka umat Islam juga boleh memilih wakaf zurri dan memajukan aset wakaf ini ke suatu tahap yang mampu menjana hasil yang boleh membantu ekonomi keturunan tersebut malah, secara tidak langsung membantu ekonomi umat Islam secara keseluruhannya.

Selain itu, konsep wakaf zurri ini juga amat bertepatan dengan prinsip *maqasid syariah* di dalam memelihara harta dan juga keturunan.¹⁴ Ia dapat dicapai di dalam praktikal wakaf zurri dengan memelihara harta tersebut agar ia dapat dibangunkan untuk manfaat keturunan khususnya jika ada ahli keluarga yang berdepan kesukaran, hilang upaya dan sebagainya. Justeru, manfaat wakaf zurri ini dapat meringankan beban mereka. Dalam hal menjaga keturunan, ia amat bertepatan dengan hadis yang bermaksud: “Tinggalkan anak dan isteri dengan kesenangan adalah lebih baik daripada tinggalkan mereka dalam keadaan mereka meminta-minta,”¹⁵ dan “Sesungguhnya engkau akan membelanjakan harta engkau dan ia akan sesungguhnya adalah sedekah hatta makanan yang engkau suapkan ke mulut isteri engkau. Allah akan memanjangkan umur engkau lalu orang ramai akan mendapat manfaat daripada engkau dan sebahagian orang (iaitu musyrikin) akan mendapat mudharat daripada engkau.”¹⁶

Hadis ini memberi gambaran bahawa sekiranya seseorang meninggalkan warisnya adalah lebih baik dalam keadaan kaya daripada dalam keadaan yang susah dan meminta-minta kepada manusia. Ironinya adalah apabila keperluan kehidupan mencukupi dan mampu menampung keluarga yang ditinggalkan maka itu adalah yang terbaik kerana mereka boleh meneruskan kehidupan tanpa bergantung harap pada sesiapa.

Oleh yang demikian, wakaf zurri yang ditinggalkan boleh menjadi asas kepada pengembangan manfaat harta itu yang seterusnya dapat membawa manfaat berterusan yang akan dinikmati oleh waris. Manfaat yang bukan sahaja dapat dinikmati keluarga dan keturunannya tetapi mampu menjangkau kepada umat Islam yang lain apabila pembangunan aset wakaf zurri ini dimajukan dengan sewajarnya.

Praktis Wakaf Zurri

Selaras dengan sejarah Islam, wakaf zurri telah digunakan sebagai instrumen perancangan hartanah atau perancangan penggantian (*succession planning*). Wakaf zurri bertujuan untuk membela nasib keluarga yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka yang menjadi tempat bergantung. Dalam konsep hukum Islam, seseorang yang mempunyai harta dan bertujuan untuk berwakaf terhadap hartanya perlu mendahulukan ahli keluarga mereka yang terdekat. Tambahan lagi, jika ada di antara mereka memerlukan bantuan, maka wakaf zurri ini lebih afdal diberikan kepada mereka yang paling memerlukan.¹⁷

¹³ Forbes (2020), “Malaysia’s 50 Richest,” dicapai pada 19 Oktober 2020, <https://www.forbes.com/malaysia-billionaires/list/2020>.

¹⁴ Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Zulkifley Hamid (2013), “Nilai-Nilai Maqasid Al-Shariah Dalam Kitab Al-Atcimah: Tinjauan Dalam Pemikiran Al-Shaykh Muhammad Arsyad Banjari (1710-1812M),” *International Journal of the Malay World and Civilization*, Jil. 3, Bil. 3, h. 37.

¹⁵ Muslim bin al-Hajjaj, al-Jami’ al-sohik al-musamma sohik Muslim (t.t), *Bab al-wasiyyah bil thuluth*, Beirut: Dar al-jil, no. hadith 4302, Jil. 5, h. 72.

¹⁶ Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail (2002), *Sahih al-Bukhari*. Damshik: Dar al Kibnu Kathir, h. 50.

¹⁷ Tjek Tanti (2013), “Wakaf Ahli Dalam Konsep Fikih Tradisional,” *Jurnal Al-Irsyad*, Jil. 2, h. 8.

Allah telah menuntut supaya umat Islam berpegang teguh terhadap hubungan silaturrahim khususnya sesama keluarga dan keturunan. Apabila wakaf zurri ini berjaya dilaksana, ia dapat memupuk ukhuwah yang erat di antara mereka di kalangan penerima manfaat ini. Secara kebiasaannya, kita hanya mengenali generasi keluarga hanya sekadar dua atau tiga generasi sahaja tetapi oleh kerana wakaf zurri ini, ia memungkinkan kita bersilaturrahim dengan generasi keluarga yang tidak terhingga bilangannya dan sekiranya ada yang berada di dalam kesusahan, mereka boleh dibantu. Oleh yang demikian, amat besar pahalanya jika umat Islam saling membantu ahli keluarga mereka yang berada di dalam kesusahan dan amat memerlukan. Mereka tidak perlu meminta daripada pihak luar jika ada ahli keluarga terdekat yang boleh meringankan beban mereka.

Jika silaturrahim sesama manusia dituntut dalam agama, ia diikuti juga dengan hubungan silaturrahim dalam keluarga yang merupakan satu tanggungjawab besar. Ia telah jelas di dalam Al-Quran di mana Allah telah memberi peringatan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menjaga dirinya dan ahli keluarganya daripada azab neraka. Firman-Nya yang bermaksud: “Hai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka.” (Surah at-Tahrim, ayat 6) Ia menunjukkan bahawa keluarga adalah perkara utama dalam membina masyarakat harmoni dan berkasih sayang. Keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat yang baik dan berakhlak mulia. Sekiranya ada di antara umat Islam yang sengaja membiarkan ahli keluarga dalam kesusahan maka ia boleh mengundang kemurkaan Allah s.w.t. Justeru itu, dalam melakukan kebaikan, ahli keluargalah merupakan kumpulan paling utama yang perlu diberi perhatian.

Jadual 2. Amalan Wakaf Zurri Pada Zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa' Ar Rasyidin¹⁸

Pewakif	Jenis wakaf zurri	Penerima manfaat
Saidina Usman Al-Affan	-Tanah	-anak lelakinya
Fatimah r.a	- <i>umm al il'yal</i> kampung kecil di Madinah -kebun di mana Rasulullah s.a.w pernah berwuduk di dalamnya dan ada berbuah tanaman sehingga kiamat -kampung kecil yang pada asalnya diberi oleh Rasulullah s.a.w	- orang miskin Bani Hashim dan Bani Abdul Motalib yang turut merupakan ahli keluarganya
Rasulullah SAW	-kampung sekitar Madinah	-kaum keluarga terdekat, anak yatim, golongan miskin, makanan bagi isteri-isteri Rasulullah SAW
Rasulullah SAW	-sebahagian harta -tanah -ummu aiman (hamba) -kuda, unta -harta ibu baginda, Aminah -harta isteri baginda, Khadijah	-anak-anak
Abu Bakar as Siddiq	-rumah	-anaknyanya
Ummu Salamah (isteri nabi)	-tidak dinyatakan jenis aset	-anaknyanya

Pelaksanaan wakaf zurri ini secara umumnya di Malaysia tidak ada bantahan dari sudut undang-undang dan juga mazhab muftakar. Ia telah wujud sejak zaman permulaan sejarah Islam.¹⁹ Namun begitu, praktiknya di Malaysia kurang digalakkan oleh kerana terdapat kesulitan di dalam pengurusannya.²⁰ Secara khususnya di Malaysia, terdapat beberapa Majlis Agama Negeri (MAIN) sahaja yang masih mengendalikan wakaf zurri ini yang telah bermula beratus tahun dahulu manakala ada segelintir (MAIN) yang lain tidak mengambil tanggungjawab untuk menguruskan wakaf zurri ini. Sebagai contoh, ada MAIN yang tidak jelas dengan prosedur pengurusannya kerana tempohnya yang panjang melangkaui kepada beberapa generasi keturunan keluarga pewakif tersebut.

Walaupun begitu, wakaf zurri ini telah berjaya menonjolkan kesan yang positif seperti di Turki²¹ berdasarkan jumlah pendapatan dan impak kepada ekonomi negara tersebut. Ia juga turut berjaya diamalkan di Bosnia, Indonesia dan juga Singapura. Ciri-ciri wakaf zurri ini yang menjamin pengekalan aset harta wakaf dan memastikan manfaatnya mengalir berterusan menyebabkan ia terus menjadi pilihan bagi umat Islam di negara-negara tersebut.

¹⁸ Abdullah Al-Hujayli (2011), *Al-Awqaf an-Nabawiyah wa Awqaf al-Khulafa ar-Rasyidin*, Beirut: Darr Al Kutub Al 'lmiyah, h. 142 & 144; Al -Khassaf, Abu Bakar Ahmad (361 hijriah), *Kitab ahkamul awqaf*, Kaherah: Maktabah Thaqafah Ad Dinniah, h. 9-10.

¹⁹ Ishtiyah Ahmad Zilli (2018), “Waqf Ala Al-'Awwlād A Case of Colonial Intervention in India,” dalam Arshad Islām (ed.), *Intellectual Discourse*, Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jil. 26, h. 996.

²⁰ Farhana Mohamad Suhaimi (2018), “Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Pelaksanaannya Di Malaysia,” *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Jil. 8, Bil. 1, h. 74.

²¹ Fahrurroji (2019), “Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga),” dicapai 21 September 2019, <http://mandiriamalinsani.or.id/karir/>; Orbay, K. (2016), “Waqf institutions–Charitable endowments,” dicapai 16 Mac 2018, <http://www.turkishculture.org/lifestyles/institution-967.htm>.

Pengurusan Wakaf Zurri di Malaysia

Secara amnya, pengurusan yang baik dicadangkan mempunyai prinsip yang berlandaskan prinsip Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) iaitu: memastikan asas kerangka tadbir urus yang berkesan; hak pihak berkepentingan merupakan fungsi pemilikan utama; perlakuan adil terhadap pihak berkepentingan; peranan pihak berkepentingan dalam tadbir urus; pendedahan dan ketelusan; dan tanggungjawab lembaga pengurusan.²² Justeru itu, di dalam kes pengurusan wakaf zurri, aspek-aspek berikut boleh diambil kira bagi membantu tatacara pengurusan wakaf zurri di mana terdapat perbezaan yang jelas jika dibandingkan dengan wakaf am daripada segi benefisiari dan tempoh masa pengalihan manfaat.

Punca kuasa pentadbiran Islam dan hal ehwalnya di Malaysia telah digariskan dalam Artikel 3, Perlembagaan Malaysia. Ia menggariskan kuasa hal ehwal agama dan adat Melayu, yang meletakkan hak pada raja-raja Melayu dan kerajaan negeri masing-masing²³. Berdasarkan ini, segala urusan pentadbiran wakaf adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang terdapat di semua 14 negeri di Malaysia. MAIN dipertanggungjawabkan menjadi pemegang amanah tunggal bagi aset wakaf tersebut. Wakaf zurri yang wujud di Malaysia telah bermula sejak berdekad tahun dahulu dan pentadbirannya diletakkan di bawah MAIN kerana ia merupakan suatu institusi agama yang bebas dan tidak mempunyai kepentingan kepada pewakif. Walaupun pegawai yang bertanggungjawab ini akan bertukar ganti, tetapi dengan dokumen pendaftaran aset di bawah MAIN, ia memudahkan pengurusannya apabila berlaku pertukaran pegawai dan sebagainya. Amanah ini dinyatakan dalam Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Anfal ayat 27 yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”

Ketahuiilah bahawa manusia yang benar-benar beramanah ialah Nabi Muhammad SAW yang telah menunaikan seluruh kewajibannya sebagai penegak agama, penyelamat ummah, pembela dhuafa’, pendidik masyarakat. Baginda berperanan sebagai ketua keluarga, pemimpin negara mahupun seluruh alam. Selaras dengan itu, Rasulullah SAW memperingatkan kita agar memelihara dan bertanggungjawab ke atas setiap amanah yang di pikul setiap manusia sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya mengenai kepimpinannya. Imam (Ketua Negara) adalah pemimpin dan akan ditanya mengenai kepimpinannya, Suami (bapa) adalah pemimpin dan akan ditanya mengenai kepimpinannya, Wanita pemimpin di rumah suaminya dan akan ditanya mengenai kepimpinannya, Orang gaji adalah pemimpin kepada harta benda yang diamanahkan kepadanya dan dia akan ditanya mengenai kepimpinannya. Tiap-tiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan ditanya mengenai kepimpinan kamu.²⁴

Anugerah amanah ini bukan sekadar suatu penghormatan dan penghargaan ke atas kebijaksanaan dan kemampuan manusia berbanding dengan makhluk Allah yang lain, tetapi ia merupakan satu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Justeru itu, demi memastikan amanah yang diberikan dapat dilaksanakan dengan baik, kita haruslah bersikap jujur terhadap amanah ini dan melakukan dengan bersungguh-sungguh untuk tujuan mencapai kebenaran serta dengan dasar yang jelas dan benar. Firman Allah s.w.t. dalam Al-Quran surah al-qasas ayat 26 yang bermaksud: “Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kamu ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”

Kajian ini mengandaikan bahawa pembangunan sosioekonomi melalui aset wakaf yang dibangunkan dapat merangsang ekonomi dan kehidupan umat Islam menjadi lebih mapan. Kompleks sosial yang dibina daripada tanah wakaf zurri dapat memberi manfaat hasil sewaan kepada keturunan pewakif tersebut di samping menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat yang lain.

²² Dalila Daud (2019), “The Role of Islamic Governance In The Reinforcement Waqf Reporting: SIRC Malaysia Case,” *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Jil. 10, Bil. 3, h. 394.

²³ Siti Alawiyah Siraj (2012), “An Empirical Investigation Into The Accounting, Accountability And Effectiveness Of Waqf Management In The State Islamic Religious Councils (Sircs) In Malaysia,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Cardiff Business School, Cardiff University, h.182.

²⁴ Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail (1987), *Sahih Al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir, Bil. 4789.

Secara tidak langsung manfaat wakaf zurri tidak terhenti kepada keturunannya sahaja tetapi turut dirasakan oleh umat Islam dan bukan Islam yang lain.

Potensi Sumbangan Wakaf Zurri

Signifikan wakaf zurri terhadap negara dan masyarakat mampu dilihat sekiranya pelaksanaannya dan kelemahan pengurusannya dapat diperbaiki. Wakaf zurri mampu menyumbang dan membantu pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kehidupan masyarakat sejagat. Sebagai contoh,²⁵ wakaf zurri juga berupaya menjamin sumber makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, ubat-ubatan secara berterusan dan ini berjaya menjadikan anggota masyarakat lebih mampan dan berdaya tahan untuk menjaga ekonomi. Sebagai contoh; aset wakaf zurri boleh dibangunkan menjadi pusat kesihatan dan pemakanan sihat bagi membantu masyarakat menjaga kesihatan. Tidak dinafikan bahawa pusat-pusat seperti ini telah wujud di Malaysia tetapi jika ia berpunca daripada wakaf maka kadarnya adalah lebih rendah. Tubuh badan yang bebas daripada sebarang penyakit sudah tentu lebih berkemampuan bekerja secara proaktif daripada tubuh yang sakit. Sumbangan pekerja-pekerja sihat dan proaktif mampu menyediakan segala keperluan yang amat diperlukan setiap anggota keluarga masing-masing serta bebas dari cengkaman kemiskinan yang melarat. Pekerjaan merupakan salah satu alternatif bagi membasmi kefakiran dan salah satu fenomena yang menandakan suatu masyarakat yang berdaya saing dan maju. Oleh itu, Islam amat menggalakan umatnya bekerja dan menjadi kewajipan kepada mereka yang berkemampuan dan mempunyai peluang untuk berbuat demikian. Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:²⁶ “Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.” (Riwayat al-Baihaqi dalam Syu’ab al-Iman (9890) dan al-Tabarani dalam Musnad al-Syamiyyin (3465)

Justeru itu, pemerintah bertanggungjawab untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan pekerja dengan sebaik mungkin serta membuka ruang secara adil dan saksama agar ekonomi sentiasa berkembang. Di dalam hal ini, wakaf zurri boleh menjadi satu sumber bagi mengekang pengangguran dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan daripada pelbagai projek pelaburan yang dilaksanakan menggunakan dana wakaf. Umpamanya projek membina masjid dan makam para sahabat seperti yang dilaksanakan di beberapa tempat di Jordan dengan pengawasan pihak berkuasa wakaf. Jadi dengan adanya projek-projek ini peluang pekerjaan baru dapat diadakan serta dapat membantu masyarakat setempat bekerja. Khususnya di Malaysia, wakaf zurri yang sedang beroperasi melalui pembangunan sewaan kedai telah memberi peluang perniagaan kepada penduduk setempat di mana manfaat hasil sewaan dapat dikembalikan kepada waris dan penyewa dapat meneruskan perniagaan di ruang sewaan yang diberi.

Tambahan lagi, wakaf juga berpotensi besar dalam memacu masa depan arena pendidikan dan kebudayaan. Ia menjadi lebih bererti apabila diniatkan wakaf itu kepada keturunan sendiri untuk dimanfaatkan sebaiknya bagi tujuan pembelajaran dan penghasilan ilmu pengetahuan. Dengan adanya wakaf seperti ini para penuntut ilmu lebih bersedia serta mencetuskan kejayaan buat mereka.

Selain itu, sekiranya dana wakaf zurri dimajukan dengan aktiviti pertanian; ia tidak kurang pentingnya dalam menyediakan peluang pekerjaan seperti menyiram, menuai, menanam dan aktiviti lain. Ini menunjukkan bahawa apa sahaja bentuk wakaf sebenarnya boleh membantu dalam membuka peluang pekerjaan secara kolektif.

Impak wakaf zurri ini terhadap pewakif adalah dengan memberi ketenangan jiwa kepada pewakif. Mereka mampu tersejuk dengan penuh ketenangan kerana harta milik mereka kembali kepada ahli keluarga sendiri dan yang paling penting ia dapat mengikis sifat tamak dan kedekut pada diri mereka sendiri. Mereka merasakan suatu kepuasan kerana segala penat jerih mengumpul harta ketika hayatnya hari ini terbela dengan zuriatnya sendiri yang bersilih ganti dapat mengambil manfaat daripada wakaf yang dilaksanakannya. Dari sudut lain, pewakif tidak perlu bimbang dengan berlakunya pemborosan

²⁵ Fadwa Irshaid Al-Alaween (2011), “Al- Waqaf Al-Dhurri Wa Taṭbīqāṭihī Al- Mu ‘Āṣiroh Dirosāh Fiqhīyah Muqāranah,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Jamiah al-Ulum al- Islamiyah al-Alamiyah, University of Jordan, h. 30.

²⁶ Zulkifli Mohamad al-Bakri (2019), “Bayan Linnas Siri Ke-193: Bekerja Sebagai Ibadah: Meningkatkan Sikap Integriti,” dicapai 4 September 2020, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3555-bayan-linnas-siri-ke-193-bekerja-sebagai-ibadah-meningkatkan-integriti>.

harta atau salah guna dari ahli keluarga yang masih hidup kerana harta peninggalannya diurus tadbir secara wakaf. Oleh itu, wakaf merupakan cara yang terbaik dalam mengikis sifat tamak dan kebimbangan pembaziran harta ke jalan yang salah. Atas sebab inilah persyariaan wakaf bertujuan untuk menjadikan pengagihan harta yang ditinggalkan secara sistematik di mana manfaatnya dapat dikecapi zuriat sendiri tanpa berlakunya pembaziran. Kebimbangan tersebut ada rasionalnya kerana harta peninggalan yang dibiarkan sekiranya tidak terancang biasanya digunakan secara tidak berhemat, berlaku pembaziran yang barangkali terkait dengan perkara haram. Oleh yang demikian, dengan adanya wakaf kebimbangan tersebut tidak lagi wujud kerana Islam amat menitikberatkan tentang aspek tadbir urus yang baik berlandaskan syariat.

Apabila peruntukan terhadap benefisiari telah ditetapkan pewakif di dalam amanah wakaf zurri ini, ia adalah secara halal berdasarkan hak yang diberikan kepadanya. Jadi, dengan menerima manfaat tersebut penerima merasa lebih stabil kerana manfaat tersebut dapat menjamin kelangsungan hidup daripada kesempitan tanpa perlu meminta-minta daripada pihak lain. Seterusnya, ia dapat membina keyakinan dan ketenangan dengan adanya wakaf tersebut beliau tidak lagi perlu mengambil hak orang lain kerana manfaat wakaf itu tadi telah sampai kepada golongan yang ditentukan.

Tambahan lagi, melalui wakaf zurri ini, ia boleh membina dan mengukuhkan hubungan persaudaraan, kasih sayang dan keprihatinan dalam masyarakat. Hal ini kerana di antara tujuan wakaf adalah untuk membina hubungan akrab, kasih sayang dan sifat prihatin kerana pemberi wakaf menyumbang hartanya dengan kerelaan sendiri untuk dimanfaatkan kepada kaum kerabatnya sendiri. Secara tidak langsung, hal ini membawa kepada rasa keprihatinan dalam masyarakat di kalangan orang perseorangan dan ahli keluarga terdekatnya dan ia berterusan ke satu generasi ke satu generasi melalui kaedah manfaat wakaf zurri ini. Ia dilihat bertepatan dengan dua tunjang Maqasid Syariah di bawah menjaga keturunan dan harta melalui wakaf zurri apabila manfaat aset wakaf zurri diberikan kepada keluarga dan keturunannya bagi menjamin kemampuan ekonomi dan kelangsungan hidup pada masa akan datang. Bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Isra' ayat 23-24:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha," dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."

Begitu juga firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 215 yang bermaksud:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)".

Justeru, berdasarkan seruan tersebut, penekanan keprihatinan terhadap keluarga, pemberian harta kepada keturunan telah disebut di dalam Al-quran beserta manfaat daripadanya. Ia menunjukkan di dalam Islam tidak ada suatu perkara yang diangkat sebagai syiar yang perlu dilaksanakan tanpa sebarang erti dan maksud. Oleh itu realiti wakaf disyariatkan bertujuan untuk mengangkat sifat keprihatinan anggota masyarakat untuk saling membantu golongan yang memerlukan. Sifat ini merupakan asas yang sama seawal penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah.

Wakaf zurri juga bertujuan untuk memberikan keadilan di kalangan anak-anak penerima wakaf di mana manfaatnya sampai kepada mereka dengan usaha bapa mereka sendiri dalam erti kata hubungan di antara mereka berkekalan. Manfaatnya lebih terserlah dengan adanya kesedaran dari penerima hasil yang dikecapi dari keringat generasi sebelumnya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pelaksanaan temuduga separa berstruktur. Temuduga telah berlangsung di antara tempoh 30 ke 60 minit maksimum. Perbualan dirakam dengan persetujuan peserta kajian. Peserta kajian terdiri daripada wakil pengurusan unit wakaf daripada 4 MAIN. Kajian ini menunjukkan pelbagai perspektif temuduga yang berbeza untuk mendapatkan pandangan mengenai amalan pelaksanaan wakaf zurri yang terdapat di MAIN tersebut. Data tersebut terdiri daripada penerangan terperinci mengenai aktiviti wakaf, pendedahan, dan pengalaman peserta. Sebaik sahaja temuduga dijalankan, data telah ditranskripsikan. Apabila data telah dikumpulkan; tugas pertama dalam analisis adalah untuk mengenal pasti kategori yang sesuai. Kemudian, kategori dikaitkan bersama-sama untuk mewujudkan tema daripada sumber yang komprehensif. Tema ini termasuk semua maklumat utama yang digunakan semasa melakukan kajian kes. Maklumat kemudian disunting, redundansi disusun, digabung untuk memperolehi penemuan.

Patton²⁷ menjelaskan bahawa tidak ada titik tepat di mana pengumpulan data berakhir dan analisis bermula. Kendati di dalam amalan, analisis dan tafsiran akan dipisahkan dengan kemas. Semasa mengumpul data, idea mengenai analisis dan tafsiran berlaku. Idea-idea tersebut merupakan permulaan analisis. Berdasarkan analisis, sub-bahagian memberikan maklumat tambahan mengenai situasi di MAIN. Tema baru muncul disokong oleh transkripsi yang dikumpul semasa temuduga.

Ironinya, analisis dan tafsiran akan dipisahkan dengan rapi. Semasa pengumpulan data, idea mengenai analisis dan tafsiran akan muncul. Idea-idea ini adalah permulaan analisis. Berdasarkan analisis, setiap bahagian memberikan lebih banyak maklumat mengenai situasi pelaksanaan wakaf zurri di dalam MAIN tersebut. Manakala, transkrip yang dikumpulkan semasa temuduga memberikan sokongan terhadap kemunculan tema baru.

Analisa kandungan kemudiannya digunakan untuk semua bahan yang dikumpul, dikategorikan dan dikodkan dengan merujuk kepada senarai semak kategori yang telah dibangunkan khas untuk mengenal pasti corak dalam laporan itu. Analisa kandungan digunakan untuk meneliti maklumat di dalam dokumen berkaitan dengan pengurusan wakaf zurri. Maklumat dianalisis daripada pelbagai literatur dan butiran mereka dikenalpasti secara sistematik mengikut tema tertentu. Ia berasaskan kepada analisis Al-Qur'an dan hadis, Perlembagaan persekutuan, enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri, laman sesawang MAIN dan ulasan literatur terdahulu.

Dapatan dan Perbincangan

Tatacara pengurusan wakaf zurri

Walaupun kepentingan dan kerelevanan wakaf zurri ini dapat dilihat, namun terdapat juga halangan yang perlu diatasi oleh pihak yang berkaitan sekiranya wakaf zurri ini dilaksanakan secara meluas di negeri-negeri lain. MAIN tidak terlalu menggalakkan penyertaan masyarakat Islam dalam wakaf zurri²⁸. Ia kurang diamalkan kerana kesukaran dalam pengurusan wakaf zurri di mana nilai tanah wakaf yang kian meningkat dan kesukaran dalam mentadbir walaupun jumlahnya diketahui. Di samping itu, kekurangan penguatkuasaan dan pengurusan institusi untuk menyelia wakaf zurri menjadikannya kurang diamalkan. Tambahan lagi, terdapat kekeliruan dan masalah konsistensi dengan interpretasi dan pengurusan wakaf zurri di kalangan negeri-negeri.²⁹ Ini perlu dianalisis untuk mencari penyelesaian bagi menjamin kecekapan proses dan pengurusan wakaf zurri.

²⁷ Patton, Michael Quinn (1990), *Qualitative Evaluation and Research Methods*, California: SAGE Publications, h. 312.

²⁸ Mohd Afandi Mat Rani (2012), "Wakaf Zuriat: Isu dan Penyelesaian," *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jil. 6, Bil. 2, h. 62.

²⁹ Sadique, Muhammad Abdurrahman, Abdul Haseeb Ansari, Mohsin Hingun dan Aznan Hasan (2018), "Socio-Legal Significance of Family Waqf in Islamic Law: Its Degeneration and Revival," *IJUM Law Journal*, Jil. 24, Bil. 2, h. 329; Farhana Mohamad Suhaimi (2018), "Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang Dan Pelaksanaannya Di Malaysia," *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Jil. 8, Bil. 1, h. 74.

Selain daripada isu pengurusan, tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai wakaf zurri dan kepentingannya masih lagi di peringkat awal. Oleh itu, ini menyebabkan penyertaan yang kurang di kalangan umat Islam.³⁰ Oleh itu, sekiranya pendedahan yang secukupnya disampaikan kepada umat Islam; ini sangat membantu mereka dalam kelangsungan amalan wakaf zurri. Tambahan pula, ketiadaan prosedur atau garis panduan pelaksanaan yang jelas di samping kekurangan pegawai khusus untuk mengendalikan wakaf zurri; ia menambah kesulitan untuk menjayakan wakaf zurri. Fokus pihak MAIN adalah tertumpu kepada wakaf am yang sedia ada dan mempunyai jumlah yang besar untuk diuruskan. Oleh yang demikian, penyelesaian bagi halangan ini perlu diperhalusi agar urusan wakaf zurri menjadi mudah untuk dikendalikan.

Jadual 3. Peranan MAIN dalam Pengurusan Wakaf Zurri

MAIN	A	B	C	D
Templat dokumen tujuan wakaf (Surat Cara)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kos pengurusan daripada hasil aset wakaf	Diluluskan fatwa dan dibenarkan	Diluluskan fatwa dan dibenarkan	Diluluskan fatwa dan dibenarkan	Tiada kerana diuruskan oleh benefisiari
Pembangunan aset wakaf	Bertanggungjawab sepenuhnya	Bertanggungjawab sepenuhnya	Bertanggungjawab sepenuhnya	Tidak. Benefisiari bertanggungjawab sepenuhnya

Secara ringkasnya, wakaf zurri bermula daripada niat pewakif yang diterjemahkan melalui dokumen bertulis yang turut dikenali sebagai ‘Surat Cara Wakaf’. Perincian itu mengandungi spesifikasi aset dan niat pewakif itu. Dokumen ini sama ada diserahkan pewakif apabila beliau masih hidup ataupun pewaris jika pewakif tersebut telah meninggal dunia. MAIN sebagai pentadbir akan bertindak sebagai pemegang amanah di mana aset pewakif itu akan didaftarkan di bawah nama MAIN. Jadi ia kekal sebagai wakaf walaupun pentadbir itu berbeza. Pada masa yang sama, MAIN juga perlu mengenalpasti susur galur keturunan tersebut sehingga ke tahun yang terkini bagi memastikan tiada nama yang tercicir apabila pengagihan manfaat diberi.³¹ Sekiranya pentadbiran dan pemajuan aset wakaf zurri itu diuruskan sepenuhnya oleh MAIN, maka kos pengurusan sebanyak 20% telah diluluskan oleh majlis fatwa negeri tersebut untuk diambil daripada manfaat wakaf zurri itu. Bagi pembangunan aset wakaf zurri ini, MAIN bekerjasama dengan badan korporat yang khusus bagi merencana dan melaksanakan pembangunan samada sebagai kompleks perniagaan, rumah kedai dan lain-lain lagi. Apabila manfaat atau keuntungan daripada pembangunan ini diperolehi maka MAIN akan mengagihkan bahagian ini kepada pewaris atau ahli keturunan pewakif ini.³²

Namun begitu, terdapat juga MAIN di salah sebuah negeri yang mengambil tanggungjawab untuk pendaftaran aset wakaf zurri sahaja manakala urusan pemajuan aset itu diuruskan sepenuhnya oleh pewaris. Oleh yang demikian, pewaris perlu bekerjasama di antara mereka bagi membangunkan aset wakaf tersebut supaya dapat menjana hasil bagi mencapai niat pewakif dan diterima oleh semua warisnya. Bagi merealisasikan ini, sudah tentu ahli waris perlu mempunyai kepakaran dalam urusan pembangunan aset. Aset seperti tanah contohnya perlu difikirkan cara yang terbaik bagi menjana ekonomi dan hasil daripadanya dan proses pembangunan ini mengambil masa yang panjang sebelum hasilnya dinikmati. Disebabkan itu, perlu adanya syura supaya setiap waris ini jelas dengan tindakan yang perlu mereka lakukan dalam proses pengurusan aset, pengagihan manfaat dan juga pengekalan hasil daripada aset wakaf zurri.

Bagi penetapan keturunan, pengamalan di Malaysia masih tidak menghadkan bilangan keturunan yang menerima manfaat wakaf zurri.³³ Ini bermakna, manfaat wakaf zurri ini akan terus dinikmati hatta beratus generasi sekalipun. Maka, atas sebab inilah pihak yang mentadbir dalam pendaftaran aset wakaf zurri ini seeloknya bukan daripada benefisiari kerana bimbang akan menyebabkan pertelingkahan akibat tiada pihak ketiga yang boleh memantau tindak tanduk mereka dalam mengurus selia aset wakaf zurri ini. Apabila nama aset wakaf zurri ini di atas nama MAIN, maka pertukaran hak milik aset ini

³⁰ Mohd Afandi Mat Rani (2012), “Wakaf Zurriat: Isu dan Penyelesaian,” *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jil. 6, Bil. 2, h. 64; Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud dan Mohd. Fuad Sawari (2008), “Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf,” *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jil. 2, Bil. 2, h. 18.


³¹ Ketua unit wakaf, Majlis Agama Islam Negeri (A), Kelantan, Temubual pada 14 Januari 2020; Ketua unit wakaf, Majlis Agama Islam Negeri (B), Terengganu, Temubual pada 2 Mac 2020; Ketua unit wakaf, Majlis Agama Islam Negeri (C), Kedah, Temubual pada 25 November 2020.

³² Ketua unit wakaf, Majlis Agama Islam Negeri (D), Pulau Pinang, Temubual pada 7 Julai 2020.

³³ Sahibuh Samahah Datuk Dr. Luqman bin Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Temubual pada 7 September 2020.

tidak boleh berlaku dan ia kekal sebagai wakaf selamanya. Selain itu, memang perlu ada satu badan bebas untuk memerhatikan kelangsungan wakaf zurri ini sekiranya timbul masalah ataupun sebarang kesulitan.

Secara ringkas, tatacara pengurusan ini digambarkan seperti di bawah:



Secara ringkasnya, prosedur pengurusan wakaf zurri mempunyai perbezaan dengan wakaf am di mana penerima manfaat wakaf zurri telah ditetapkan sedari awal dan pengagihannya pula berterusan sehingga keturunan pewakif tersebut masih ada. Justeru itu, pengurusan wakaf zurri perlu dipandu oleh prosedur atau tatacara yang boleh membantu pihak pegurusan melaksanakan wakaf ini.

Perbincangan dan Kesimpulan

Praktis wakaf zurri di Malaysia masih berada di peringkat awal. Namun begitu signifikan sumbangannya tidak dapat dinafikan sekiranya berjaya dilaksanakan. Ia boleh menjadi suatu kaedah pengagihan harta yang satu-satunya boleh menjamin pengekalan manfaat harta yang diwakafkan. Tambahan pula, ia memberi solusi kepada umat Islam yang bimbang akan masa depan keluarganya yang hilang tempat bergantung.

Wakaf zurri mampu menghasilkan pelbagai manfaat yang boleh dinikmati secara langsung oleh keturunan pewakif itu dan secara tidak langsung ia mampu meliputi masyarakat amnya yang boleh menyumbang kepada kestabilan ekonomi sesebuah negara. Sememangnya matlamat utama wakaf zurri ini adalah untuk memelihara kebajikan keluarga dan keturunan yang ditinggalkan di mana agama Islam sendiri amat menekankan keutamaan kebajikan terhadap keluarga dahulu sebelum golongan lain.

Wakaf zurri adalah salah satu pilihan untuk pengagihan kekayaan dan ganjaran ini berterusan diterima walaupun setelah keturunannya tiada. Tambahan pula, pematuhan terhadap *maqasid syariah* iaitu memelihara harta benda dapat digambarkan mencerminkan ihsan terhadap keluarga dan generasi. Wakaf zurri menyediakan platform untuk mempraktikkan ihsan yang amat dituntut oleh prinsip Islam. Amalan wakaf zurri memberi ruang untuk umat Islam berbuat baik tanpa batasan dalam usaha mendekatkan diri dengan Allah. Ini adalah kerana manfaatnya sampai kepada ahli keluarga, keturunan dan seterusnya kepada umat Islam yang lain tanpa ada perbezaan di antara mereka.

Selain daripada potensi pertumbuhan ekonomi dalam tempoh yang lama melalui aset wakaf zurri yang dibangunkan, hasil ataupun faedah wakaf zurri ini boleh diterima dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat yang bukan merupakan keturunan pewakif tersebut. Walaupun niat asal pewakif adalah untuk membantu keluarga dan keturunannya untuk kelangsungan hidup dan agar harta yang diwakafkan boleh dimanfaatkan sebaiknya oleh keturunannya tanpa perlu menjualnya yang mengakibatkan manfaat jangka pendek sahaja.

Sifat pengekalan aset wakaf menyebabkan pengumpulan harta wakaf dan pelbagai objektifnya yang menyediakan sokongan untuk aktiviti keagamaan dan kebajikan yang meluas. Aset wakaf digunakan berulang kali agar dapat mengeluarkan manfaat berdasarkan niat yang mewakili pewakif itu. Oleh itu, selagi prinsip itu dikekalkan; wakaf merupakan aset yang memberi manfaat secara berterusan. Pengekalan prinsip ini disebabkan oleh sifat alaminya sendiri iaitu tanah atau daripada peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh pewakif itu sendiri. Aset ini meliputi pengekalan fizikal aset dan kekal selagi mana aset itu masih ada, iaitu selagi jangka hayat aset membawa manfaat.

Ia membuktikan bahawa wakaf mencetuskan pengumpulan aset kumulatif di samping kepada prinsip pengekalan abadi dalam wakaf.³⁴ Oleh yang demikian, selaras dengan syariah, aset wakaf tidak boleh dijual dalam apa jua bentuk. Ini bermakna bahawa aset wakaf akan kekal dan hanya boleh ditambah tetapi tidak boleh dijual. Menurut pengertian ini, wakaf bukan sahaja pelaburan, tetapi juga pelaburan yang bersifat kumulatif dan majmuk³⁵ (*compounded*). Ia memberi pulangan berganda dari tahun ke tahun jika dimajukan sewajarnya. Bertepatan dengan kelebihan wakaf zurri di mana aset itu akan kekal hingga beberapa keturunan dan dimajukan mengikut saluran dan proses yang betul hingga berupaya menyebarkan manfaat bukan saja pada keturunan keluarganya tetapi kepada masyarakat dan juga negara tersebut. Kesannya bukan hanya dapat dinikmati oleh keluarga dan keturunannya tetapi juga secara tidak langsung terhadap masyarakat sekeliling dan negara.

Berdasarkan intipati maqasid; Islam merupakan sistem kehidupan lengkap dan relevan yang tidak lapuk dek zaman yang mana ia boleh dilaksanakan dalam setiap urusan. Kesejahteraan hidup akan lebih terancang apabila harta diuruskan menurut rukun-rukun yang diputuskan oleh Islam berpandukan maqasid syariah sebagai acuan strategik dalam pemantapan sistem pengurusan harta yang seterusnya boleh menyuntik ekonomi negara. Selain pemantapan pengurusan harta ini, ia juga perlu disertai dengan prinsip maqasid syariah yang bertunjangan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik.³⁶

Umat Islam diberi alternatif menurut syariat Islam sekiranya ingin mengurus harta sebaik mungkin di mana pahala dan manfaat akan sentiasa mengalir samada kepada yang masih hidup dan kepada pemilik harta yang telah meninggal dunia. Tidak sesekali kebaikan faraid, wasiat dan hibah diketepikan; ia juga memiliki sifat tersendiri dan membawa manfaat khusus kepada penerimanya. Namun begitu, wakaf zurri juga boleh dijadikan pilihan untuk umat Islam yang ingin mengkhususkan hartanya kepada ahli keluarganya yang dapat memelihara keturunannya. Apabila satu daripada cirinya adalah berbentuk penggandaan harta atau pengumpulan harta maka ia memberi impak yang positif.

Terdapat aspek di dalam tatacara pengurusan yang boleh ditambah baik seperti penetapan keturunan yang boleh dicadangkan kepada pewakif, kepelbagaian benefisiari yang boleh merangkumi masyarakat di luar daripada keturunan pewakif supaya manfaat wakaf ini lebih luas dan lain-lain lagi. Walaupun begitu, halangan yang timbul dalam pelaksanaan wakaf zurri perlu dibincangkan dengan terperinci dan diselesaikan demi melicinkan proses pelaksanaannya sehingga manfaat aliran wakaf sampai kepada penerima dan akhirnya kembali kepada masyarakat secara amnya. Oleh itu, wakaf zurri merupakan salah satu instrumen yang boleh dilaksanakan oleh umat Islam dalam menjalankan ihsan yang berkait secara rapat dengan memelihara harta di dalam maqasid syariah.

Rujukan

al-Alaween, Fadwa Irshaid (2011), “Al- Waqaf Al-Dhurrī Wa Taṭbīqātihi Al- Mu ‘Āširoh Dirosāh Fiqhīyah Muqāranah,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Jamiah Al-Ulum Al- Islamiyah Al-Alamiyah, University of Jordan.

al-Awadi, Ahlam Ahmad (2010), *Wakaf dzurri (zurriat dan anak-anak lelaki)*, Jeddah: Penerbitan Perpustakaan Negara Raja Fahad.

al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail (1987), *Sahih Al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir.

³⁴ Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010), “Management and Development of The Awqaf Assets,” dalam Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hassan dan Norazman Ismail Shahida Shahimi (ed.), *Prosiding Seventh International Conference—The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 313.

³⁵ Kahf, M. (1999), “Financing the Development of Awqaf Property,” *American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 16, Bil. 4, h. 39-42.

³⁶ Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2017), “Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur Dan Pelaksanaan,” *Jurnal Hadhari: An International Journal*, Jil. 9, Bil. 1, h. 21.

- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail (2002), *Al-Jami al-Sahih*, Damascus dan Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al – Khassaf, Abu Bakar Ahmad (361 hijriah), *Kitab Ahkamul Awqaf*, Kaherah: Maktabah Thaqafah Ad Dinniah.
- Abdun Noor (2008), “Ethics, Religion and Good Governance,” *Journal of Administration & Governance*, Jil. 3, Bil. 2, 62–77.
- Abdullah al-Hujayli (2011), *Al-Awqaf an-Nabawiyah wa Awqaf al-Khulafa ar-Rasyidin*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010), “Management and Development of The Awqaf Assets,” dalam Abdul Ghafar Ismail, Mohd Ezani Mat Hassan dan Norazman Ismail Shahida Shahimi (ed.), *Prosiding Seventh International Conference—The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*, Bangi, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 309-328.
- Ahmad Hidayat Buang (2009), “Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa Di Malaysia,” *Jurnal Muamalat*, Jil. 2, 1-15.
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Fauziah Mohd Noor (2014), “Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia,” *Journal of Human Development and Communication*, Jil. 3, 115-128.
- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan Beserta Asbabun Nuzul, Hadith Sahih dan Indeks Tematik, (2012). Selangor: Penerbit Humaira Bookstore Enterprise.
- Carroll, L. (2001). “Life Interests and Inter-Generational Transfer Of Property Avoiding The Law Of Succession,” *Islamic Law and Society*, Jil. 8, Bil. 2, 245-286.
- Colquitt, J. A., & Rodell, J. B. (2011), “Justice, Trust, And Trustworthiness: A Longitudinal Analysis Integrating Three Theoretical Perspectives,” *Academy of Management Journal*, Jil. 54, Bil. 6, 1183-1206.
- Dalila Daud (2019), “The Role of Islamic Governance in The Reinforcement Waqf Reporting: SIRC Malaysia Case,” *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Jil. 10, Bil. 3, 392-406.
- Fahrurroji (2019), “Wakaf ahli (wakaf keluarga),” dicapai 21 September 2019, (<http://mandiriamalinsani.or.id/karir/>).
- Farhana Mohamad Suhaimi (2018), “Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Pelaksanaannya Di Malaysia,” *Malaysian Journal of Syariah and law*, Jil. 8, Bil. 1, 73-81.
- Forbes (2020), “*Malaysia’s 50 Richest*,” dicapai pada 19 Oktober 2020, <https://www.forbes.com/malaysia-billionaires/list/2020>.
- Ishtiyah Ahmad Zilli (2018), “Waqf Ala Al-’Awlād A Case of Colonial Intervention in India,” dalam Arshad Islām (ed.), *Intellectual Discourse*, Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jil. 26, 989-1005.
- Jamal Ridwan (2016), “Hukum Perwakafan Kompilasi Hukum Islam Dalam Sorotan,” *Jurnal Ilmiah Al-Syir’ah*, Jil. 6, Bil. 1, 1-11.
- Jasni Sulong (2005), “Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia,” *Jurnal Syariah*, Jil. 13, Bil. 2, 47-64.
- Kahf, M. (1999), “Financing the Development of Awqaf Property,” *American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 16, Bil. 4, 39-68.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (2015), “Majlis Penyampaian Sumbangan Hasil Wakaf Tengku Kaya Pahlawan,” dicapai 5 Disember 2019, <http://e-maik.my/mobileportal/v2/2015/09/07/majlis-penyampaian-sumbangan-hasil-wakaf-tengku-kaya-pahlawan/>.

Mastura Ab. Wahab dan Yusof Ismai (2019), “Mas’ Uliyyah and Ihsan as High-Performance Work Values in Islam,” *International Journal of Economics, Management and Accounting*, Jil. 27, Bil. 1, 187-212.

Mayer, R. C., Davis, J. H., dan Schoorman, F. D. (1995), “An Integrative Model of Organizational Trust,” *Academy of Management Review*, Jil. 20, Bil. 3, 709-734.

Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud, Mohd. Fuad Sawari (2008), “Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf,” *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jil. 2, Bil. 2, 1-24.

Mohd Afandi Mat Rani (2012). “Wakaf Zuriat: Isu dan Penyelesaian,” *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jil. 6, Bil. 2, 61-89.

Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Zulkifley Hamid. (2013), “Nilai-Nilai Maqasid Al-Shariah Dalam Kitab Al-Atcimah: Tinjauan Dalam Pemikiran Al-Shaykh Muhammad Arsyad Banjari (1710-1812M),” *International Journal of the Malay World And Civilization*, Jil. 3, Bil. 3, 29-38.

Muslim bin al-Hajjaj, al-Jami’ Al-Sohih Al-Musamma Sohoh Muslim (t.t), *Bab al-wasiyyah bil thuluth*, Beirut: Dar al-jil.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2011), *Hibah Dalam Undang-Undang Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2017), “Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur dan Pelaksanaan,” *Jurnal Hadhari: An International Journal*, Jil. 9, Bil. 1, 17-32.

Orbay, K. (2016), “Waqf Institutions–Charitable Endowments,” dicapai 16 Mac 2018, (<http://www.turkishculture.org/lifestyles/institution-967.htm>).

Patton, M.Q (1990), *Qualitative Evaluation and Research Methods*, California: SAGE Publications.

Rusnadewi Abdul Rashid dan Nor Hisyam Ahmad. (2013), “Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah (Hibah Wealth Management: The Important and Benefit from Various Aspects for Ummah Development),” *Jurnal Hadhari: An International Journal*, Jil. 5, Bil. 1, 91-104.

Sadique, Muhammad Abdurrahman, Abdul Haseeb Ansari, Mohsin Hingun dan Aznan Hasan (2018), “Socio-Legal Significance of Family Waqf in Islamic Law: Its Degeneration and Revival,” *IJUM Law Journal*, Jil. 24, Bil. 2, 309–334.

Siti Zalikah Md Nor (2002), “Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah Di Malaysia,” *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 11*, 1-12.

Siti Alawiyah Siraj (2012), “An Empirical Investigation into the Accounting, Accountability And Effectiveness Of Waqf Management In The State Islamic Religious Councils (SIRCS) In Malaysia,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Cardiff Business School, Cardiff University.

Tjek Tanti (2013), “Wakaf Ahli Dalam Konsep Fikih Tradisional,” *Jurnal Al-irsyad*, Jil. 2, 81-91.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2019), “Bayan Linnas Siri Ke-193: Bekerja Sebagai Ibadah: Meningkatkan Sikap Integriti,” dicapai 4 September 2020, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3555-bayan-linnas-siri-ke-193-bekerja-sebagai-ibadah-meningkatkan-integriti>.